

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NASIONAL



Lukanisman (tengah) bersama jururawat pada sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2024, di Putrajaya, semalam.

Hari Jururawat Antarabangsa 2024

# Hanya jururawat asing terlatih dibenar berkhidmat

KKM tetapkan saringan ketat bagi pengambilan petugas hospital swasta negara ini

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan memastikan hanya jururawat warga asing terlatih dan berkualiti dibenarkan berkhidmat di Malaysia bagi menampung keperluan di negara ini, tegas Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Setakat ini, katanya, negara sumber bagi tujuan berkenaan adalah India, Sri Lanka, Filipina dan Indonesia dengan syarat melepasi ujian *Malaysian Nursing*

*Board Qualification Examination for Foreign Trained Nurses* yang dikendalikan Lembaga Jururawat Malaysia.

"KKM tidak mahu terima jururawat yang tidak berkualiti. Setakat ini, jururawat yang kita terima adalah dari India, Sri Lanka, Filipina dan Indonesia," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2024, di sini semalam.

Sambutan tahun ini bertemakan 'Jururawat kami. Masa depan kita. Kuasa Penjagaan Ekonomi' dihadiri 1,250 jururawat kerajaan dan swasta yang turut menyaksikan penganugerahan kepada tiga tokoh jururawat.

Anugerah Tokoh Perkhidmatan diberikan kepada Sapiah Abdul Hadi, Tokoh Pendidikan kepada Catherine Pero dan Tokoh Perkhidmatan Komuniti kepada S Kalyani.

Lukanisman berkata, setakat Oktober lalu, hanya 101 jururawat asing melepasi saringan di-

tetapkan KKM untuk berkhidmat di hospital swasta di negara ini.

"Jumlah 101 orang itu bukanlah jumlah yang besar kerana kita tetapkan syarat ketat dalam pengambilan," katanya.

## Kelonggaran bersyarat

September lalu, Menteri Kesihatan ketika itu, Dr Zaliha Mustafa mengumumkan kelonggaran bersyarat secara sementara kepada kemudahan kesihatan swasta untuk mengambil jururawat terlatih warga asing bagi tempoh 12 bulan mulai 1 Oktober 2023.

Dr Zaliha dilaporkan berkata, kekurangan tenaga kerja jururawat di sektor awam dan swasta memberi kesan besar terhadap penyampaian perkhidmatan kesihatan secara efektif di negara ini dan perkara itu sudah lama dibangkitkan pelbagai persatuan dalam rangkaian industri perubatan swasta dan ia harus segera diatasi.

Beliau juga menjelaskan, pengambilan jururawat terlatih

warga asing bagaimanapun tidak boleh melebihi 40 peratus di setiap fasiliti dan sah bagi tempoh 12 bulan sahaja, iaitu sehingga 30 September 2024.

Pelanjutan perkhidmatan bagaimanapun dibenarkan selama 12 bulan lagi, namun perlu mengikut kelulusan Perakuan Pengamalan Sementara (TPC) Jururawat Terlatih Warga Asing.

Terdahulu dalam ucapannya, Lukanisman berkata, negara menyediakan hampir 139,000 tenaga kerja dalam bidang kejururawatan.

"Di bawah KKM, kita mempunyai hampir 75,000 jururawat, selebihnya dalam sektor swasta. Itu jumlah yang agak besar dan antara tonggak penting dalam struktur serta sistem KKM," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan, KKM sedang mempersiapkan jururawat dengan sistem pendigitalan yang lebih mantap menerusi penggunaan rekod perubatan elektronik (EMR).

## RM150j naik taraf 401 klinik daif tahun ini

**Kota Kinabalu:** Sebanyak 401 klinik kesihatan di negara ini dikenali sebagai klinik daif dan akan dinaik taraf tahun ini melalui peruntukan RM150 juta yang sudah diluluskan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, daripada jumlah itu, 208 klinik kini dalam proses untuk dinaik taraf, manakala enam klinik sudah siap dinaik taraf sehingga April lalu.

"Tahun ini, kita memperuntukkan RM150 juta untuk proses naik taraf semua klinik yang dikenali sebagai klinik daif di seluruh negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Malaria, Tibi dan Kusta Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), semalam.

Dr Dzulkefly berkata, di Sabah, sebanyak 58 klinik kesihatan dikategorikan sebagai daif yang mana tiga daripadanya sudah selesai dinaik taraf.

"Selebihnya, kita masih ada baki 55 klinik daif yang harus diselesaikan proses naik taraf dengan peruntukan sebanyak RM21.5 juta.

"Saya sudah maklumkan semua proses naik taraf klinik daif di Sabah perlu diselesaikan dalam tahun ini. Tiada lagi sebarang projek yang dibawa ke tahun depan," katanya.

Beliau berkata, tahun lalu sebanyak 23 klinik daif direkodkan yang mana hanya 19 saja berjaya dinaik taraf, manakala empat lagi di bawa ke tahun ini.

"Namun, kerja naik taraf empat klinik itu sudah selesai dilaksanakan. Secara keseluruhan peruntukan bagi menaik taraf semua klinik daif di Sabah tahun lalu adalah RM10.8 juta," katanya.

## 8,856 kes Tibi dicatatkan setakat awal Mei

**Kota Kinabalu:** Sebanyak 8,856 kes Tibi direkodkan di seluruh negara setakat 4 Mei lalu yang mana daripada jumlah itu 1,944 kes direkodkan di Sabah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Tibi masih menjadi antara beban penyakit utama di Malaysia dan kadar statistik yang direkodkan masih tinggi.

"Penyakit Tibi adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh *Mycobacterium Tuberculosis* dan merebak melalui udara.

"Oleh itu, kita menasihatkan orang ramai yang mempunyai tanda dan gejala seperti batuk yang berpanjangan melebihi dua

minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah segera mendapatkan rawatan.

"Saya juga menggesa orang ramai agar memperbetulkan salah faham dengan menganggap penyakit Tibi adalah akibat buatan manusia seperti santau kerana tanpa rawatan segera, penyakit ini boleh menyebabkan kematian," katanya selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Malaria, Tibi dan Kusta Sedunia 2024 di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), semalam.

Ditanya sama ada jumlah kes

Tibi yang tinggi di negara ini antaranya berpunca daripada kemiskinan pendatang asing tanpa izin, Dzulkefly menyatakan pihaknya menyedari perkara itu, namun isu berkaitan keselamatan serta kemiskinan pendatang asing di luar bidang kuasa KKM.

"Kita tahu penyakit Tibi dibawa orang luar yang masuk ke negara ini secara haram termasuk di Sabah yang kedudukannya terlalu hampir dengan beberapa negara jiran.

"Ini adalah cabaran besar bagi kerajaan Sabah dan bersama-pengarah kesihatan negeri. Perkara penting bagi kami adalah menjaga kesihatan," katanya.



Dr Dzulkefly memalu gong sebagai simbolik merasmikan sambutan Hari Malaria, Tibi dan Kusta Sedunia 2024 di UMS, Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : LOKAL

## LELAKI DIGIGIT ANJING LAMBAT TERIMA RAWATAN DI HSA

# Tunggu lama sebab bukan kes kritikal

Oleh Omar Ahmad  
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

**K**elewatan rawatan terhadap seorang pesakit lelaki yang cedera akibat digigit anjing disebabkan ramai pesakit lain menunggu rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini.

Pengarah HSA Dr Sal Atan berkata, kejadian itu berlaku jam 5.45 petang pada 8 Mei lalu ketika pesakit terbabit mendaftar di Kaunter Triage Jabatan Kecemasan dan Trauma HSA.

Katanya, pesakit berusia 33 tahun itu datang bagi mendapatkan rawatan luka akibat gigitan anjing di paha kanan.

Katanya, siasatan dilakukan mengenai video tular berhubung dakwaan pesakit tidak berpuas hati mengenai layanan dan perkhidmatan diterima di Jabatan Kecemasan dan Trauma HSA.

**“Kebetulan pada masa sama, ada 78 pesakit lain menunggu untuk menerima rawatan di Zon Hijau menyebabkan ada kelewatan dalam memberikan rawatan kepada pesakit”**

“Hasil siasatan mendapati pesakit hadir dengan surat rujukan selepas menerima rawatan awal di klinik kesihatan dan berdasarkan saringan dan dikategorikan sebagai Kes Kecemasan Bukan Kritikal (Zon Hijau).

“Kebetulan pada masa sama, ada 78 pesakit lain menunggu untuk menerima rawatan di Zon Hijau

menyebabkan ada kelewatan dalam memberikan rawatan kepada pesakit.

“Pihak hospital sentiasa komited dalam memastikan setiap pesakit diberikan rawatan dan layanan sebaiknya tanpa prejudis,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, sebarang kesulitan dialami pesakit sewaktu berurusan di HSA amat dikesali.

Dalam video tular berdurasi dua minit 10 saat itu, seorang lelaki meluahkan rasa tidak puas hati dalam bahasa Tamil dengan menunjukkan luka di kaki kanannya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 21  
RUANGAN : LOKAL



KEADAAN pesakit-pesakit kusta yang masih menerima rawatan di Pusat Kawalan Kusta Negara, Sungai Buloh, Selangor.

Negara masih mencatat 66 kes penyakit itu

## KKM sasar sifar penyakit kusta 2030

**KOTA KINABALU** – Mengesan dan memberi rawatan awal secara bersasar di lapangan merupakan salah satu langkah Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mencapai sifar kes kusta tempatan baharu menjelang tahun 2030.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, selain itu, KKM juga melaksanakan pemberian rawatan Profilaksis Single Dose Rifampicin kepada kontak rapat dan komuniti berisiko.

"Langkah-langkah tersebut seiring saranan Pertubuhan Kesihatan

Sedunia (WHO) sebagai langkah pencegahan dan penularan penyakit kusta.

"Setakat 4 Mei lalu, negara masih mencatatkan 66 kes kusta di seluruh negara termasuk 24 kes di Sabah," katanya.

Beliau bercakap ketika sidang media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Malaria, Tibi dan Kusta Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah, di sini semalam.

Tambah Dzulkefly, masyarakat disarankan untuk melibatkan

diri dalam aktiviti yang boleh mewujudkan kesedaran mengenai penyakit berjangkit seperti malaria, tibi dan kusta.

"Persekitaran positif dan memberikan sokongan kepada pesakit atau individu yang terkesan dengan penyakit berjangkit amat diperlukan supaya kualiti hidup pesakit dapat dipertingkatkan.

"Stigma dan diskriminasi haruslah dihentikan dan sasaran 'Hentikan Tibi menjelang tahun 2035' dan 'Sifar Kes Kusta Baharu Tempatan' dapat dicapai," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NEGARA

## HSA siasat dakwaan lelaki digigit anjing lewat terima rawatan

**JOHOR BAHRU** - Hospital Sultanah Aminah (HSA) akan melakukan siasatan menyeluruh terhadap dakwaan kelewatan rawatan diterima seorang pesakit yang cedera digigit anjing.

Pengarahnya, Dr Sal Atan berkata, kejadian berlaku ketika pesakit lelaki berusia 33 tahun mendaftar di Kaunter Triage Jabatan Kecemasan dan Trauma HSA jam 5.45 petang pada Rabu.

"Pesakit hadir bagi mendapatkan rawatan luka akibat gigitan anjing di paha kanan, namun tidak berpuas hati dengan layanan dan perkhidmatan di jabatan itu.


"Hasil siasatan mendapati, pesakit berkenaan hadir dengan surat rujukan selepas menerima rawatan awal di klinik kesihatan dan berdasarkan saringan awal, pesakit dikategori sebagai Kes Kecemasan Bukan Kritikal (Zon Hijau).

"Kebetulan pada masa sama, terdapat 78 pesakit sedang menunggu untuk menerima rawatan di Zon Hijau menyebabkan kelewatan dalam memberikan rawatan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, video kejadian di HSA kemudian dimuat naik menerusi



SAL ATAN



Tangkap layar paha kanan seorang lelaki yang cedera akibat digigit anjing dirawat di HSA, Johor Bahru.

akaun TikTok dan Facebook sebelum tular di media sosial.

Katanya, pihak hospital komited dalam memastikan setiap pesakit yang datang diberikan rawatan dan layanan sebaiknya tanpa sebarang prejudis.

Terdahulu, dalam video tular berdurasi dua minit 10 saat, lelaki berkenaan meluahkan rasa tidak puas hati dengan menunjukkan luka di kakikannya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# RM150 juta naik taraf 401 klinik kesihatan daif

Oleh SURAIDAH ROSLAN  
utusannews@mediamulla.com.my

**KOTA KINABALU:** Kementerian Kesihatan (KKM) memperuntukkan RM150 juta untuk menaik taraf 401 klinik kesihatan daif di seluruh negara pada tahun ini.

Di Sabah sahaja, sebanyak 58 klinik kesihatan daif sedang dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM21.5 juta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, sehingga April lalu, daripada 401 klinik daif tersebut, enam telah siap dinaik taraf manakala 208 lagi sedang dalam fasa pembinaan.

“Secara keseluruhan, pada tahun lalu sebanyak 524 klinik kesihatan dinaik taraf di seluruh negara dan 521 klinik telah siap dinaik taraf,” katanya dalam Majlis Sambutan Hari Malaria, Tibi dan Kusta Sedunia Peringkat Kebangsaan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, semalam.

Menurutnya, pada tahun lalu, daripada 23 projek di Sabah, 19 telah dinaik taraf manakala empat lagi dibawa untuk pelaksanaan pada tahun ini membabitkan peruntukan sebanyak RM10.8 juta.

“Itu komitmen untuk menangani klinik-klinik daif dan ada yang sedang dalam pembinaan untuk kita siapkan sebelum hujung tahun ini.

“Saya beritahu Pengarah (Jabatan Kesihatan Negeri) agar tiada projek naik taraf yang dibawa ke tahun depan,” katanya.

Dzulkefly memberitahu, keti-



**DZULKEFLY Ahmad (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah Tokoh Malaria 2024 kepada Yusof Rashman sempena sambutan Hari Malaria, Tibi dan Kusta Sedunia peringkat kebangsaan di Kota Kinabalu, semalam.**

ka ini terdapat tiga projek sakit di bawah kementeriannya dikenal pasti di Sabah iaitu pembinaan Klinik Kesihatan di Sikuati, Kudat; menaik taraf Hospital Papar dan Jabatan Pesakit Luar, Hospital Tambunan.

“Saya tahu beberapa projek mengambil tempoh lanjutan terlalu lama; ada yang sudah melepasi lima hingga enam tahun, malah ada hampir lapan tahun seperti Hospital Papar,” katanya. Dalam perkembangan lain, beliau menjelaskan, sebanyak 79 peratus daripada kes malaria yang direkodkan di negara ini

pada tahun lalu disumbangkan oleh jangkitan malaria zoonotik.

Jelasnya, biarpun jangkitan malaria tempatan melibatkan manusia telah mencapai angka sifar sejak 2018, namun jangkitan akibat bawaan vektor melalui jangkitan malaria zoonotik masih membebani negara.

Beliau berkata, walaupun jangkitan malaria semakin berkurangan di negara ini, namun rakyat tidak boleh berasa selesa dan mengambil sikap sambil lewa.

Tambahnya, jika dilihat kes tibi setakat 4 Mei lalu, sebanyak

120 kes malaria jangkitan manusia dan 683 kes jangkitan zoonotik direkodkan.

“Semua penduduk perlu memainkan peranan masing-masing bagi membendung jangkitan malaria termasuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang bekerja di hutan dan ladang.

“Mereka yang terlibat dalam aktiviti rekreasi berkaitan hutan perlu mengambil langkah-langkah pencegahan malaria dan cakna tentang maklumat pencegahan jangkitan malaria daripada KKM,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# 'Subuh sudah tunggu di KWSP'

Oleh Zaid Mohd. Noor,  
Jamiliah Abdullah dan  
Rosliza Mohamed  
utusannews@mediamula.com.my

**ALOR SETAR:** Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Cawangan Alor Setar dikunjungi pencarum seawal subuh kerana masing-masing mahu memindahkan wang daripada Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel yang bermula semalam.

Tinjauan mendapati, pencarum lebih selesa untuk ke pejabat bagi mendapatkan maklumat berkaitan permindahan wang walaupun perkara itu boleh dilakukan secara dalam talian menerusi i-Akaun.

Pencarum yang berbaris panjang sebelum pejabat KWSP dibuka memberitahu tidak mahu melengah-lengahkan masa untuk melakukan urusan tersebut kerana sangat memerlukan wang bagi meneruskan kehidupan.

Noor Zanariah Yaakob, 33, dari Changlun, Kubang Pasu berkata, dia bersama dua rakannya turut beratur di pejabat KWSP seawal pukul 7 pagi untuk melakukan pemindahan ke Akaun Fleksibel.

"Kami datang sebab tidak berapa pasti cara nak pindah. Di sini kami diberi tunjuk ajar. Alhamdulillah, mudah dan sudah selesai urusan, sekarang kami hanya tunggu wang masuk ke dalam akaun ketiga.

"Saya tidak melengah pemindahan ini sebab memerlukan wang untuk urusan keluarga. Saya merasakan ini satu perkara yang baik dilakukan kerajaan kerana daripada orang ramai pinjam along atau ceti lebih baik ambil duit sendiri," katanya ketika ditemui.

Aziz Ahmad, 45, yang bekerja sebagai operator kilang berkata, dia mengambil cuti bagi menyelesaikan urusan pemindahan wang dalam KWSP.

"Walau wang dalam Akaun Sejahtera tidak banyak tetapi jumlah



**SEBAHAGIAN** pencarum berurusan di kuaran untuk urusan memohon pemindahan simpanan daripada Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel di pejabat KWSP Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

itu sangat diperlukan untuk saya guna tanggung keluarga termasuk sekolah anak-anak.

"Saya rasa ini satu perkara yang baik untuk menyelesaikan masalah ekonomi rakyat yang banyak terhimpit dengan pelbagai kelangan ketika ini," katanya yang datang dari Pendang.

K. Lechumy, 50, berkata, dia juga tidak mahu melepaskan peluang untuk memindahkan wang yang ingin digunakan untuk perbelanjaan anak di universiti.

Dalam pada itu, seorang kakitangan pejabat berkenaan memak-

lumkan terdapat pencarum yang menunggu untuk memindahkan wang seawal subuh.

"Kami datang awal untuk membuat persiapan dan saya lihat ada yang sudah menunggu di pagar seawal subuh walaupun pejabat hanya dibuka pada pukul 8.30 pagi," katanya.

Di Kuala Terengganu, Zamri Ghani, 45, berkata, dia mahu menggunakan wang dalam Akaun Fleksibel untuk meringankan beban ketika waktu terdesak seperti ahli keluarga sakit, membiayai pengajian anak dan keperluan

lain.

Katanya, duit dalam akaun tersebut tidak akan dikeluarkan sewenang-wenangnya memandangkan simpanan KWSP itu penting untuk perbelanjaan selepas bersara.

Ros Amiza Omar, 35, berkata, walaupun simpanannya tidak banyak, namun permohonan itu dibuat lebih awal sebagai persediaan sekiranya berlaku perkara di luar jangka yang memerlukan duit.

Seorang pembantu jualan, Noor Aznida Alias, 38, pula berkata, dia tidak ketinggalan membuat pen-

strukturan semula akaun KWSP untuk memudahkan mengeluarkan duit daripada Akaun Fleksibel pada bila-bila masa.

Katanya, walaupun permohonan itu boleh dibuat secara dalam talian namun dia lebih selesa berurusan di kaunter KWSP sambil mendapat maklumat lanjut mengenai kemudahan yang ditawarkan tersebut.

Di Kota Bharu, lebih 200 pencarum menyerbu pejabat KWSP untuk permohonan pindahan wang.

Tinjauan mendapati orang ramai mula memenuhi pejabat berkenaan seawal pukul 8.30 pagi untuk menyelesaikan urusan berkenaan.

Siti Maizatul Adnan, 25, berkata, sejeurus mendapat maklumat tersebut, dia terus buat keputusan menukar Akaun Sejahtera kepada Akaun Fleksibel.

Siti Azmira Khazmi, 37, berkata, pemindahan wang ke Akaun Fleksibel disifatkan sebagai langkah awal untuk melakukan pengeluaran apabila berdepan kecemasan.

"Pada pendapat saya, langkah ini sangat diperlukan ketika ada antara penyimpan yang memerlukan wang tersebut apabila berlaku kecemasan untuk mengeluarkan sejumlah wang," ujarnya.

Semalam *Mingguan Malaysia* melaporkan pencarum KWSP yang berusia 55 tahun ke bawah boleh memohon untuk memindahkan 10 per 30 simpanan dalam Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel menerusi aplikasi i-Akaun atau mengunjungi cawangan KWSP di seluruh negara, mulai 12 Mei.

Walaupun Akaun Fleksibel mula diperkenalkan tanpa sebarang jumlah, pencarum boleh memilih untuk memindahkan sebahagian daripada simpanan mereka daripada Akaun Sejahtera antara 12 Mei dan 31 Ogos.

## Sarawak kurang 1,381 jururawat, 64% klinik daif

**KUCHING:** Sarawak memerlukan 1,381 jururawat bagi menampung 9,491 perjawatan jururawat di bawah Jabatan Kesihatan Negeri.

Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian mengesahkan kekosongan itu diisi segera bagi menampung jumlah populasi penduduk di negeri ini yang semakin meningkat.

"Semasa lawatan Ketua Matron (Ketua Jururawat) Kementerian Kesihatan Malaysia ke sini, beliau juga mengakui bebanan tugas jururawat di Sarawak.

"Sebab itu Kerajaan Sarawak

mahu mengambil balik autonomi kesihatan supaya kita dapat menadbir urus (bidang kesihatan) kita sendiri," kata beliau ketika berucap pada Seminar Pembangunan Profesi Kejururawatan 2024 sempena Sambutan Hari Jururawat Sedunia PKB Kuching di Muzium Budaya Borneo, Kuching semalam.

Menurut beliau, kerajaan negeri juga menyeru agar jururawat di negeri ini meningkatkan ilmu dalam profesion kejururawatan sekali gus menjadi pakar dalam bidang itu.

Katanya, dalam tempoh 10 ta-

hun akan datang, industri perubatan berrevolusi dengan pantas dan pakar-pakar perubatan dijangka dapat merawat pelbagai jenis penyakit.

"Terdapat penyakit yang tidak pernah kita berpeluang untuk menyembuhkan, boleh disembuhkan oleh sebab kecerdasan buatan (AI). Malah, pada masa akan datang ubat akan diberikan berdasarkan genetik pesakit yang memerlukannya dan kita boleh lihat jika ia sesuai.

"Jadi, semua jururawat mesti mempunyai pengetahuan itu dan kita di Sarawak mampu mencapai

tahap itu.

"Sehubungan itu, amat wajar jururawat-jururawat mengikuti pengetahuan terkini mengenai profesion, membuat kajian sendiri serta mengambil ijazah sarjana dan Doktor Falsafah," jelasnya.

Selain itu, KUI Hian yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak memberi keyakinan bahawa kerajaan negeri akan berusaha menangani isu klinik dan hospital daif di negeri ini.

"Di Sarawak 64 peratus fasiliti klinik adalah daif dan Premier

(Tan Sri Abang Johari Tun Openg) berkata, jika Kerajaan Persekutuan bersetuju, kita (Sarawak) akan bina dahulu dan dibayar kemudian oleh Kerajaan Persekutuan.

"Jadi, kita sekarang sedang mengusahakan perkara ini dengan satu jawatankuasa telah diwujudkan dipengerusikan bersama Ketua Setiausaha Negara dan Setiausaha Kerajaan Sarawak.

"Oleh itu, kita amat berharap agar isu klinik, hospital dan kuarters kakitangan kesihatan daif ini dapat diselesaikan segera," katanya lagi.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATION

# 'Surge in TB cases a serious concern'

## Dzul: Air-borne disease highly infectious with Sabah accounting for 1,944 cases

By MUGUNTAN VANAR  
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** The surge in tuberculosis (TB) cases is a serious concern with 8,856 cases recorded nationwide as of May 4, reveals the Health Minister.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the air-borne disease was highly infectious with Sabah accounting for 1,944 cases.

"We advise those with symptoms such as coughs lasting for over two weeks, fever, night sweats, lack of appetite, weight

loss and bloody cough to seek treatment immediately," he said after officiating the 2024 World Malaria, Tuberculosis and Leprosy Day event at the Faculty of Medicine and Science Health, Universiti Malaysia Sabah (UMS) here yesterday.

The minister dismissed talk that TB was "a man-made disease".

"This must be corrected. TB patients need to be treated because without immediate treatment, this disease can be fatal," he cautioned.

Asked whether the high number of TB cases in the country could be sourced to illegal immigrants, Dzulkefly said the ministry was aware that the disease was mainly brought in by foreigners who entered the country illegally.

"This includes Sabah which is too close to some countries. This is a big challenge to the Sabah government and the state health director.

"The important thing for us is to take care of our health. Things like not having documentation



**Health matters:** Hajiji (left) welcoming Dzulkefly during a courtesy call at Seri Gaya in Kota Kinabalu.

are dealt with by the government through the relevant authorities.

"Our policy is to provide treatment to individuals in need. They are also potential carriers of

infectious diseases," he added.

Dzulkefly later paid a courtesy call on Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor at his official residence at Seri Gaya.

## Haj pilgrims are like our parents, says nurse

**MADINAH:** Working as a nurse during the haj season is no easy task.

For Nur Ainun Mohammad and her team of 16 nurses, including three men, their duty at the Madinah Medical Centre in the Ar Roha Hotel presents unique challenges.

Despite limited equipment and manpower, Nur Ainun and her team are dedicated to providing the best medical care to pilgrims, whom they regard as their parents.

"I volunteered for this duty because I wanted to help Malaysian haj pilgrims, many of whom are elderly and need assistance," she told reporters here.

The 24-hour Madinah Medical Centre has 33 beds, catering to both men and women.

Their aim is to ensure that Malaysian pilgrims stay healthy and can perform their religious duties comfortably.

With 24 years of nursing experience, Nur Ainun said unlike her



**Pulling double duty:** Nurses and mothers (from left) Yushailalizam Jusoh, 50; Noriza Che Amat, 46; Suzin Denis, 38; Sagilha Subramaniam, 34; and Khoo Chin Lian, 46; posing for photo while wishing Happy Mothers Day during the International Nurses Day celebration yesterday at The Everly Hotel in Putrajaya.  
— IZZRAFIQ ALIAS/The Star

work at Hospital Kuala Lumpur, where she deals with various emergency cases, most cases in Madinah involve respiratory issues due to the high temperature and dust.

"Many of our pilgrims are elderly, so respiratory problems like cough, sore throat and cold are common.

"If not treated promptly, these conditions can worsen," she said, Bernama reported.

Recalling her experiences from previous seasons, she said one particularly memorable incident involved a 92-year-old woman who broke her thigh bone.

"The pilgrim was injured in Malaysia but was determined to

perform the haj. When she arrived here, we treated her before sending her to Mecca using an ambulance for the wukuf (standing at Arafat). Unfortunately, she passed away before she could fulfil her wish," Nur Ainun said sadly.

She also recounted an incident involving a man who often forgot why he was there.

"We placed him at the Madinah and Makkah Medical Centres and became his nurse and family until he was able to perform the haj," she said.

In honour of Nurses Day on May 12, Nur Ainun took a moment to express her heartfelt gratitude to all the nurses serving the haj pilgrims.

## AEFI report on AstraZeneca vaccine out this week

By HO JIA WEN  
jiawen.ho@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Data on the AstraZeneca vaccine's adverse events following immunisation (AEFI) will be released this week, says Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Insights about the data, he said, as well as AstraZeneca's clarification would be revealed by Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"The government has the data and we will announce it as it is important to the public.

"We will explain the data concerning adverse side effects, the

and also the clarification from AstraZeneca," he said after attending the International Nurses Day celebration here yesterday.

Lukanisman said Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan would also address issues about the adverse events, along with the number of those affected.

Earlier this month, Dzulkefly sought clarification from AstraZeneca about the adverse events after the pharmaceutical company admitted in court documents that the vaccine could cause, in very rare cases, thrombosis with thrombocytopenia syndrome (TTS).

This syndrome is when the individuals have blood clots together with a low platelet count.

AstraZeneca had recently withdrawn its Covid-19 vaccines worldwide.

Dzulkefly had asked the pharmaceutical company to submit a thorough and transparent explanation not only to Malaysia but to the whole world.

Meanwhile, Lukanisman said the Health Ministry's facilities are prepared to treat those experiencing adverse events from the vaccine.

Checks with the National Pharmaceutical Regulatory Agency found that the last AEFI summary

report on all vaccinations was on Nov 30 last year.

The report said it received 26 serious adverse effects reports out of a million doses.

Thus far in Malaysia, no data on the total number of TTS cases caused by the AstraZeneca vaccine has been reported, while Indonesia said that no TTS cases associated with the vaccine were reported.

Separately, Lukanisman said the national nursing workforce numbers 139,000, with 75,000 of these nurses under the Health Ministry while the rest were in the private sector.

When asked about hiring for-

foreign nurses, Lukanisman said such nurses had been hired since last year, and the hiring window was expected to last till October this year.

"The recruitment process is very stringent because we don't want to hire unqualified nurses," he said.

The ministry's nursing director, Devi K. Saravana Muthu, said that so far, 101 foreign nurses had been employed in the private sector.

"These nurses are coming from India, Sri Lanka, the Philippines and Indonesia. They will be undergoing stringent screening," she said.